



Kilang perintis proses kenaf siap Mac depan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim

nfazlina@bh.com.my

Share

KOTA BHARU: Kilang memproses bahan kenaf bernilai RM25 juta di Setiu, Terengganu, yang disiap pada Mac ini, dijangka beroperasi sepenuhnya, Januari tahun depan.

Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Samsudin Noor, berkata kilang terbabit adalah perintis bagi mengeluarkan produk kenaf untuk industri.

Katanya, pembinaan kilang terbabit selaras dengan sasaran lembaga bagi menjadikan kenaf sebagai industri komersil melalui pengeluaran produk bernilai tinggi.

"Alhamdulillah kilang perintis itu dijangka siap sepenuhnya Mac ini dan kita kini dalam proses melengkapkan mesin dan sekiranya tiada aral melintang, kilang terbabit dijangka beroperasi sepenuhnya Januari tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan, Rostam Abu Hassan.

Samsudin berkata, sepanjang tahun lalu, LKTN berjaya meluaskan kawasan tanaman kenaf seluas 2,200 hektar dan melepasi sasaran ditetapkan iaitu 2,000 hektar.

"Kita akan kekalkan momentum berkenaan untuk tahun ini dan pada masa sama menggalakkan pihak industri menanam kenaf secara komersil.

"Pada masa sama, jualan kenaf pada tahun lalu mencatatkan hampir RM2 juta iaitu meningkat berbanding 2016 hanya RM1.2 juta.

"Kita menasarkannya, tahun ini jualan kenaf terus meningkat sehingga RM3 juta dan yakin angka itu dapat dicapai jika usaha berterusan dilakukan," katanya.